

TAJUK : KUIN nafi henti program perubahan
AKHBAR : Berita Harian Online
TARIKH : 1 Disember 2017(Jumaat)
URL : <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2017/12/357574/kuin-nafi-henti-program-perubahan>

[Berita»Nasional](#)



PENGERUSI Jawatankuasa Pendidikan, Pengangkutan dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) negeri, Datuk Tajul Urus Mat Zain. - Foto Sharul Hafiz Zam

KUIN nafi henti program perubahan

Oleh Noorazura Abdul Rahman

bhnews@bh.com.my

Kongsi artikel

ALOR SETAR: Kerajaan negeri menolak dakwaan kononnya akan menghentikan program perubahan Kolej Universiti Insaniah (KUIN).

Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Pengangkutan dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) negeri, Datuk Tajul Urus Mat Zain, berkata kerajaan negeri komited untuk memperkasakan program itu melalui kerjasama perkongsian pintar dengan institut pengajian tinggi yang diiktiraf.

Katanya, memorandum persefahaman (MoU) antara KUIN bersama Cyberjaya University College of Medical Sciences (CUCMS) disalahertikan kerana ia sebenarnya perkongsian pintar dalam mewujudkan kerjasama akademik dalam bidang berkenaan.

"Fitnah yang disebarkan kononnya Kulliyah Perubatan dan Sains Kesihatan KUIN akan berpindah milik kepada CUCMS dengan perkongsian untung 70:30, selain campur tangan pihak luar dalam pengurusan jurusan itu serta pelajar tahun tiga dan empat akan dipindahkan ke CUCMS adalah fitnah semata-mata.

"Malah, khabar angin akan berlaku perhimpunan oleh waris pelajar bagi membantah pemindahan pelajar dan program perubatan itu juga adalah tidak benar sama sekali," katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Tajul Urus turut memaklumkan bahawa pelajar tahun tiga, empat dan lima yang mempunyai tunggakan hutang mencecah RM3.4 juta, akan diberikan kelonggaran untuk pembayaran balik kepada KUIN dalam tempoh lapan tahun selepas tamat pengajian.

Bagaimanapun, katanya, mereka tidak akan dibenarkan meneruskan pengajian jika gagal mengikut peraturan kewangan KUIN.

"Ketika ini, seramai 106 pelajar perubatan tahun tiga dan empat menjalani latihan klinikal di Hospital Sultanah Bahiyah (HSB), Hospital Sultan Abdul Halim, Sungai Petani dan Hospital Kulim.

"Seramai 26 pelajar tahun lima bagi kumpulan pertama baru selesai menjalani latihan klinikal dan peperiksaan profesional," katanya.

Tajul Urus menjelaskan MoU yang ditandatangani oleh Rektor KUIN, Prof Datuk Dr Fakhrudin Abdul Mukti dan Presiden CUCMS, Prof Datuk Dr Mohamad Razak, semalam, membolehkan kedua-dua pihak bekerjasama dalam perkongsian pintar untuk tujuan latihan klinikal kepada pelajar tahun tiga dan empat di hospital berkenaan.

Katanya, kaedah perkongsian pintar itu akan memberi nilai tambah ilmu kepakaran perubatan yang boleh dikongsikan CUCMS kepada pelajar yang mengikuti program perubatan di KUIN.

"CUCMS adalah IPT swasta dalam bidang perubatan yang mendapat pengiktirafan cemerlang (Tier 5) menerusi penilaian Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi (SETARA) 2017 yang dikendalikan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

"Semestinya ia akan memberi manfaat kepada pelajar perubatan KUIN dan diambil kira sebagai satu kaedah Program Pemindahan Ilmu (KTP).

"Perkongsian pintar ini juga akan dilanjutkan kepada praklinikal apabila KUIN memperoleh akreditasi program perubatan daripada MQA untuk pengambilan pelajar baharu tahun hadapan," katanya.